

21/09/2003

Kesinambungan keakraban KL-Beijing

Hishamuddin Aun

RABU lalu, gambar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersalaman dengan Presiden Hu Jintao tersiar di muka depan akhbar perdana China, People Daily - harian berbahasa Mandarin yang mempunyai jumlah edaran amat besar. Malam sebelumnya, CCTV menayang pertemuan bermakna di The Great Hall Of The People, Beijing itu ke seluruh negara, dengan jangkauan ratusan juta menontonnya.

Penghormatan sedemikian rupa kepada Timbalan Perdana Menteri bukan satu kebetulan. Selepas sekian lama rakyat China mengenali Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang rakan yang akrab, jalinan kerjasama dan kemesraan Kuala Lumpur-Beijing hanya akan berkesinambungan apabila peralihan kepemimpinan di Malaysia berlaku akhir bulan depan.

Lantaran itu, lawatan rasmi lima hari Abdullah ke China yang berakhir Khamis lalu, rata-rata dilihat amat penting agar hubungan sejarah kedua-dua negara yang menjangkau 600 tahun serta hubungan rasmi yang genap berusia 30 tahun pada 2004, hanya akan terus bersemarak.

Abdullah bukanlah wajah yang asing buat China. Selama lima tahun selaku Menteri Luar sebelumnya, rakyat Negara Tembok Besar itu seakan-akan semakin intim dengannya hasil daya usaha yang kemudian membuka jalan kepada China sebagai rakan dialog Asean.

Dengan Dr Mahathir sentiasa konsisten dengan dasarnya agar China sentiasa dilihat sebagai rakan yang amat memanfaatkan daripada menjadi ancaman yang mencetus pelbagai kebimbangan, Beijing diyakini ia memiliki rakan yang sejati. Pada Abdullah pula, mereka melihatnya sebagai bakal pengganti yang sealiran pemikiran dan pendekatan.

Tidak hairanlah sidang akhbar Timbalan Perdana Menteri di penginapannya di China World Hotel, Rabu lalu, dinantikan dengan penuh minat. Berlangsung sejam selepas pertemuannya dengan Hu, senarai kehadiran mencatatkan daripada agensi berita rasmi China, Xinhua, hinggalah kepada International Herald Tribune dan Bloomberg.

Soalan datang bertalu-talu, daripada tujuan lawatannya ke Beijing ketika belum mengambil alih kepemimpinan, teka-teki bakal Timbalan Perdana Menteri yang belum dinamakan, dasar dan corak kepemimpinan yang akan diperkenalkannya hinggalah sesetengah dasar Malaysia dan China sendiri yang tidak menyenangkan Amerika Syarikat.

Abdullah menjawab semuanya tanpa berdalih, termasuk mengenai bakal Timbalan Perdana Menteri yang akan diumumkan apabila peralihan kepemimpinan selesai berlaku. Malah, jawapannya dengan tutur kata yang tersusun rapi penuh diplomasi, menghakis sebarang keraguan terhadap perlunya lawatan kali ini mendahului pengambilalihan selaku Perdana Menteri.

"Saya ke sini kerana diundang", kata Timbalan Perdana Menteri sebagai menjawab satu soalan. Namun, pada akhir sidang akhbaranya, gambarannya amat jelas buat semua bahawa amat penting diulangi dan diperjelaskan hakikat Malaysia tidak melihat China sebagai ancaman, baik dari segi politik ekonomi, politik mahupun ketenteraan.

Dalam ucaptamanya bertajuk China: Cabaran dan Peluang dalam Forum Perniagaan Malaysia-China yang disertai kira-kira 300 ahli perniagaan kedua-dua negara pada sebelah pagi hari yang sama, Abdullah menekankan China tidak harus dilihat hanya sebagai ancaman kepada ekonomi negara Asean, sebaliknya menawarkan pelbagai peluang yang boleh dimanfaatkan.

Banyak yang boleh diharapkan daripada kawasan perdagangan bebas Asean-China yang akan diwujudkan. Banyak juga yang boleh dimanfaatkan dengan menjalin kerjasama berbanding melihat China sebagai ancaman semata-mata. Kerana itu, kita tidak harus ragu-ragu atau diwas-waskan seolah-olah China hanyalah ancaman, sebaliknya pendirian hendaklah ditetapkan bahawa China

juga menawarkan peluang besar buat semua, katanya.

Lagipun, katanya, cabaran China bukanlah menyeluruh atau dari pelbagai sudut sedangkan sejarah negara itu sendiri menunjukkan ia tidak berminat terhadap perampasan wilayah atau penaklukan.

Di sebalik ramai yang mengingatkan terhadap ancaman China dari segi politik, ekonomi dan ketenteraan hampir setiap hari, kita perlu mengekalkan ketenangan. Lagipun, saya percaya China lebih berminat menjadi kuasa yang dapat menstabilkan keadaan di rantau ini daripada menjadi ancaman, katanya.

Malah, lebih daripada sekadar mempereratkan hubungan atau meningkatkan dagangan, kunjungannya ke China kali ini juga amat penting bagi menyelami harapan dan aspirasi kepemimpinan negara itu.

"Ada banyak kelebihan untuk saya membuat lawatan ke sini sebelum mengambil alih kepemimpinan kerana dapat meninjau sendiri apa yang perlu dalam meningkatkan hubungan dengan China yang amat penting dari segi ekonomi selain strategik dari segi politik", katanya.

Selain Presiden Hu, Abdullah turut melakukan kunjungan hormat ke atas Perdana Menteri, Wen Jiabao, Naib Perdana Menteri, Huang Ju, dan Pengerusi Kongres Kebangsaan Rakyat, Wu Bangguo.

Juga bukanlah rahsia bahawa China sentiasa melihat perubahan teraju kepemimpinan sesebuah negara amat penting sebagai manifestasi hubungan erat yang perlu terus dipertingkatkan.

Dalam hubungan ini, banyak keraguan sekiranya masih wujud dapat dilenyapkan. Pertama, delegasi yang diketuai Abdullah adalah antara yang terbesar berkunjung ke China selepas negara itu teruk dilanda Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS) awal tahun ini.

Selain ia berupaya mengakhiri sebarang prasangka dan rasa kecil hati terhadap syarat ketat visa bagi rakyat China yang diperkenalkan Malaysia ketika kemuncak wabak itu, kunjungan berkenaan menunjukkan kepada dunia bahawa masanya kini sesuai untuk hubungan dari segi perdagangan dan pelancongan dengan China disemarakkan semula.

Kedua, dasar yang diperkenalkan Malaysia untuk membuka pintu kepada kemasukan tenaga kerja mahir dari China dalam bidang pengeluaran barangan seramik, perabot antik, ukiran dan pertukangan kayu serta pertukangan batu - kira-kira 4,000 orang akan dibawa masuk sebelum akhir tahun ini, menunjukkan keakraban yang ingin dipelihara dengan Beijing bersifat telus dan terbuka.

Ketiga, persetujuan China untuk bekerjasama dengan Malaysia dalam teknologi angkasa menerusi tiga memorandum persefahaman yang ditandatangani, pertama seumpamanya dengan sebuah negara luar; menyerlahkan keikhlasan kerajaan pimpinan Presiden Hu dalam menganggap Kuala Lumpur sebagai sahabat.

Tentunya, jika dibandingkan dengan keadaan lebih sedikit daripada sedekad lalu sebelum China membuka pintunya kepada dunia luar, hubungan Kuala Lumpur-Beijing sudah meneroka banyak kemajuan. Sehingga 1990, banyak negara, Malaysia tidak terkecuali mengamalkan sikap berwaspada.

Namun, dengan pelbagai pembaharuan diperkenalkan oleh kepemimpinan Deng Xiaoping sebelumnya yang berupaya meyakinkan ramai bahawa China tidak berminat untuk campur tangan dalam urusan dalaman negara lain, sebarang pendirian untuk meminggirkan negara itu adalah satu kesilapan.

Tahun lalu, lebih setengah juta rakyat China mengunjungi negara ini yang berbalas dengan lebih 600,000 rakyat Malaysia melawat pelbagai tempat di negara itu sebagai petanda positif kemesraan dan persefahaman yang hanya boleh terus dipertingkatkan selepas ini.

Jumlah perdagangan kedua-dua negara yang disasarkan kepada AS\$20 bilion (RM76 bilion) tahun depan berbanding AS\$14 bilion (RM53.2 bilion) tahun lalu, sekadar mengukuhkan hujah bahawa Malaysia melihat China sebagai rakan yang penting dari segi ekonomi dan politik.

Seperti ditekankan oleh Abdullah, kebangkitan China sebagai kuasa besar hanya menambah pelbagai sebab untuk negara itu didekati dan didampingi daripada dipinggirkan.

Jalan di hadapan terbuka luas dalam bidang perdagangan Malaysia-China. Kita boleh meningkatkan lagi jumlah barangan diperdagangkan dan dalam menjual barangan besar bagi pelaburan antara dua negara juga tetap wujud.

Malaysia perlu melabur di seberang laut dan China juga perlu melabur di luar pantainya berdasarkan hakikat kedua-dua negara adalah negara berlebihan modal dari segi kadar simpanan nasional berbanding peratusan Keluaran Dalam Negara Kasar sejak sedekad lalu dengan China muncul sama ada yang pertama, kedua atau ketiga dalam aspek ini.

Malaysia sama ada ketiga atau keempat di dunia melaburkan simpanan yang tinggi itu.

Pada tahun-tahun akan datang kita boleh menjangka lebih banyak syarikat Malaysia merebut kesempatan daripada peluang pelaburan di China. Dalam soal pelaburan ke luar dari China, kita mungkin dalam peringkat awal tetapi China tetap perlu melabur di seberang laut.

"Ia bukan mudah tetapi saya yakin ia adalah mudah dilakukan antara rakan. Malaysia akan berusaha sedaya upaya untuk merebut sebahagian besar pelaburan China di seberang laut dalam tahun-tahun akan datang", kata Abdullah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, China dan Malaysia boleh terus lengkap melengkapi antara satu sama lain jika tahu cara mencari peluang dalam menghadapi cabaran.